

**NO. SOALAN :33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ**

**TARIKH : 17 MAC 2016**

**RUJUKAN : 8603**

**SOALAN:**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan majikan yang telah didakwa atas kesalahan menggaji pekerja asing tanpa izin dalam tahun 2014 dan 2015 dengan pecahan bilangan majikan yang didapati bersalah dan bilangan majikan yang dipenjarakan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman, dari tarikh di antara 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2015, sejumlah 265 majikan telah ditangkap atas kesalahan menggaji PATI dan selanjutnya seramai 279 orang majikan telah didakwa di Mahkamah. Jumlah melebihi tangkapan ini adalah berikutan kes-kes tertunggak (*backlog*) sebelum tahun 2014.**

**Selain daripada itu juga, bagi tempoh 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2015, sejumlah 28 orang majikan telah didapati bersalah dan dikenakan hukuman penjara tidak lebih dari 12 bulan selaras dengan hukuman yang ditetapkan di bawah Seksyen 55B Akta Imigresen 1959/63 kesalahan menggaji PATI.**